

Jangan beri ruang mereka juarai isu agama, kaum – Abdullah Pelampau tiada tempat

Um - 26/12/2007

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 25 Dis. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat tidak memberi ruang kepada puak pelampau menjuarai isu-isu membabitkan agama dan kaum kerana ia boleh menjejaskan keamanan dan memusnahkan negara.

Perdana Menteri berkata, budaya ekstrem tidak akan menyelesaikan masalah, sebaliknya hanya akan mencetuskan kekacauan serta kekeruhan yang akhirnya memberi kesan kepada masa depan negara.

“Jangan sesekali memberi ruang kepada puak-puak pelampau ini mempengaruhi rakyat kita. Jangan biarkan mereka menjadi juara apa jua isu khususnya berkait dengan agama dan kaum.

“Negara akan menanggung akibat lebih buruk jika budaya ini (melampau) tidak kita sekat mulai sekarang. Biarkan golongan sederhana yang mengambil peranan tersebut,” katanya.

Beliau menyampaikan mesej tersebut ketika berucap pada rumah terbuka Krismas anjuran Persekutuan Kristian Malaysia di Rumah Uskup Agung Kuala Lumpur di sini hari ini.

Kunjungan Abdullah ke majlis itu turut diiringi isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah.

Abdullah berkata, sebagai pemimpin kepada masyarakat pelbagai kaum di negara ini, beliau sebenarnya amat prihatin terhadap isu berkaitan agama dan kaum yang timbul sejak akhir-akhir ini.

“Kerajaan komited untuk membina sebuah negara yang aman dan selesa untuk semua rakyat. Oleh itu kita telah menjadikan dua masalah tersebut sebagai satu keutamaan untuk diselesaikan.

“Kita mahu rakyat hidup dalam suasana harmoni, toleransi dan muhibah. Kita juga mahu melihat rakyat dapat menikmati keamanan dan keselamatan yang berpanjangan,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau mahu setiap rakyat berusaha membina satu tahap pemahaman yang tinggi terhadap setiap agama dan budaya di negara ini.

“Saya yakin dengan cara ini ia akan membolehkan setiap daripada kita faham serta hormat terhadap agama dan budaya orang lain,” katanya.

■ Lihat muka 2



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Jeanne Abdullah beramah mesra dengan sebahagian tetamu ketika menghadiri rumah terbuka Hari Krismas di Kuala Lumpur, semalam.

Sambungan dari muka 1

Pelampau tiada tempat

Sambil mengambil contoh antara agama Islam dan Kristian, beliau berkata, terdapat beberapa persamaan antara kedua agama tersebut antaranya kepercayaan kepada Nabi Isa serta beberapa nabi lain.

“Dalam Islam, Nabi Isa merupakan seorang daripada nabi dan rasul yang wajib diketahui dan di dalam Kristian mereka cukup percaya kepada Nabi Isa yang dipanggil Jesus,” tambahnya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek; Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat dan Uskup Agung Kuala Lumpur, Datuk Murphy Pakiam.